

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan Parlimen menyenaraikan setiap usul-usul bukan Kerajaan yang dibenarkan dibentangkan dan digulung di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dari tahun 1959 hingga 2020 dan memaparkan di portal rasmi Parlimen.

**JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat berkenaan usul-usul bukan Kerajaan yang dibenarkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara boleh didapati di dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Penyata Rasmi di laman web Parlimen iaitu di www.parlimen.gov.my serta boleh dirujuk dalam simpanan Perpustakaan Parlimen Malaysia.

Sekian, terima kasih.